

# EVERMIX CONCRETE SDN BHD

(Company Registration No.: 378546-H)

Ruj. Kami :  
Ruj. Tuan : **(32) dlm.MPK/BGN/600-5/1/0016(2016)**  
Tarikh :

Pengarah

**Jabatan Bangunan**

**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

Aras Bawah, Blok Podium,  
Bangunan Sultan Alam Shah,  
Jalan Perbandaran, 41675 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.

**(U/P: En. Ahmad Khairi Bin Md Yusof)**

---

## CADANGAN MEMBINA BANGUNAN SEMENTARA BAGI PUSAT LOJI BANCuhan SIMEN YANG MENGANDUNGI :

1. 1 UNIT LOJI PEMBANCuH KONKRIT SEMENTARA (BATCHING PLANT)
2. 3 UNIT KABIN
3. 1 UNIT PEJABAT
4. 1 UNIT MAKMAL
5. 1 UNIT PONDOK PENGAWAL
6. 1 UNIT TANDAS
7. 1 UNIT BENGKEL
8. 5 UNIT TANGKI AIR
9. 1 UNIT RUANG SOLAT / MUSOLLAH
10. 1 UNIT TANGKI MINYAK

DI ATAS LOT 130450, JALAN CANANG EMAS 7/KS10, TELOK GONG, 42000 PELABUHAN KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

UNTUK TETUAN : EVERMIX CONCRETE SDN. BHD.

---

## -RAYUAN PENGURANGAN FI BAGI PAPAN PELINDUNG 'HOARDING'-

---

Dengan segala hormatnya dirujuk kepada permohonan di atas serta surat bayaran pembaharuan permit bangunan sementara daripada pihak tuan bertarikh 29hb Jun 2021 (No.Ruj: (22)dlm.MPK/BGN/600-5/1/00020(2019)).

2. Pihak kami ingin mengucapkan terima kasih atas pertimbangan pihak tuan dalam menerima pembaharuan permit bangunan sementara ini. Namun, pihak kami dengan rendah diri merayu agar pihak Jabatan Tuan dapat mempertimbangkan untuk pengurangan bayaran permit papan perlindungan daripada RM 63,312.00 kepada jumlah paling minimum berdasarkan justifikasi berikut:

- a. Operasi setiap loji pembancuH konkrit yang diusahakan di seluruh negeri terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi memastikan penyebaran virus covid-19 dapat dibendung. Dalam situasi ini pendapatan syarikat sejak bulan Mac 2021 juga terjejas dan berkurang. Pihak kami hanya bergantung kepada pendapatan yang dijana sebelum tempoh PKP sahaja.
- b. Syarikat kami mempunyai komitmen yang besar, bukan sahaja untuk menjaga kebajikan setiap pekerja namun, pihak kami juga perlu menanggung kos sewa tanah bagi tapak setiap tapak loji pembancuH konkrit di sekitar Lembah Klang dan lain-lain negeri. Disamping itu, pihak kami juga perlu membuat pembahagian/simpanan untuk kos penyelenggaran yang tinggi bagi memulakan operasi selepas tempoh PKP ini tamat.

C-3-G, ONE KESAS, Jalan Bayu Laut 15D/KS09, Kota Bayu Emas Pendarar  
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-3165 6748, 03-3168 5601, 03-3884 2948, 03-3884 9748

Fax : 03-3167 8959, 03-3162 6586

Email : info@evermixconcrete.com / evermixconcrete@yahoo.com



Permohonan dan pembaharuan permit bangunan sementara ini akan dikemukakan setiap tahun kepada pihak tuan dan jumlah RM 31, 656.00 setahun adalah agar tinggi bagi pihak kami.

- c. Pihak kami bercadang untuk menukar papan pelindung kepada tembok atau pagar "chain-link" pada permohonan akan datang sejajar dengan permohonan pembaharuan kebenaran merancang. Namun, perubahan ini mungkin akan mengambil masa dan pihak kami berharap pihak tuan dapat mempertimbangkan pengurangan fi papan perlindungan ini terlebih dahulu.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami merayu pertimbangan pihak tuan dalam memberikan pengurangan kepada bayaran fi ini kepada jumlah yang paling minimum. Segala kerjasama pihak tuan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



.....  
**EVERMIX CONCRETE SDN. BHD.**  
**TAN BOON SING**